



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 29 MEI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	AGROKORBAN-i MUDAHKAN UMAT ISLAM RANCANG IBADAH KORBAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 9	AGROBANK
2.	AGROBANK PERMUDAH RANCANG KEWANGAN TUNAI IBADAH KORBAN, BISNES, BERITA HARIAN, M/S – 27	
3.	AGROBANK LANCAR AGROKORBAN-i, BANTU TABUNGAN IBADAH KORBAN, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 3	
4.	PENTERNAK BABI DIBANTU BERALIH KE AKTIVITI PERTANIAN LAIN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 5	LAIN – LAIN
5.	PENGOSONGAN BABI DI TANJONG SEPAT BERBAKI 11,000 EKOR, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 8	
6.	PESAWAH TIDAK LAGI FIKIR SOAL KEUNTUNGAN, TAPI BAGAIMANA BERTAHAN HIDUP, APA NASIB INDUSTRI PADI 10 TAHUN AKAN DATANG?, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 6	
7.	TEKANAN KOS PENGELUARAN MAKANAN SEMAKIN TERBINA, BISNES, BERITA HARIAN, M/S – 25	
8.	CLOSURE OF SELANGOR PIG FARMS IN FINAL PHASE, NATION, NEWS, M/S – 6	
9.	NEW BOATS BRING AIDILADHA CHEER FOR FISHERMEN, NATIONAL, THE SUN, M/S – 4	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

AGROKorban-i memudahkan umat Islam rancang ibadah korban

KUALA SELANGOR - Agrobank menawarkan pelaksanaan 5,000 bahagian korban tahun depan menerusi pelancaran Akaun Simpanan AGROKorban-i, membantu umat Islam merancang kewangan lebih awal bagi menunaikan ibadah korban secara lebih teratur dan konsisten.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, produk deposit patuh Syariah itu membolehkan pelanggan menabung secara berperingkat dengan deposit permulaan serendah RM20.

Menurutnya, akaun itu diwujudkan sebagai simpanan bermatlamat khusus untuk ibadah korban berbeza dengan simpanan biasa yang tidak mempunyai sasaran tertentu.

"Pelanggan boleh menetapkan jumlah tabungan mengikut tempoh yang dirancang sama ada setahun atau dua tahun sehingga mencapai sasaran untuk melaksanakan ibadah korban.

"Ibadah korban bukan sahaja menuntut keikhlasan dan kemampuan, malah memerlukan perancangan kewangan yang baik," katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran produk itu di Agrobank Cawangan Tanjung Karang di sini pada Khamis.



Tengku Ahmad Badli (tiga dari kanan) melakukan gimik pelancaran Akaun Simpanan AGROKorban-i di Agrobank Tanjung Karang, Kuala Selangor pada Khamis.

Ibadah korban bukan sahaja menuntut keikhlasan dan kemampuan, malah memerlukan perancangan kewangan yang baik."

- Tengku Ahmad Badli Shah

Majlis pelancaran Akaun Simpanan AGROKorban-i diadakan sempena program Agro Korban 2026 iaitu inisiatif tahunan Agrobank dalam menyantuni komuniti menerusi pelaksanaan ibadah korban dan pengagihan daging kepada masyarakat setempat.

Sementara itu, Tengku Ahmad Badli berkata, inisiatif itu juga diharapkan dapat mendidik masyarakat supaya mengamalkan budaya menabung secara konsisten demi tujuan lebih bermakna.

Katanya, Agrobank mahu menyediakan penyelesaian kewangan yang praktikal selain memberi kemudahan kepada komuniti Islam membuat persediaan awal secara mudah dan patuh syariah.

"Kita harap usahaini dapat membantu pelanggan mengurus kewangan dengan lebih baik di samping memperkukuhkan nilai keprihatinan sosial serta memberi manfaat kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat," katanya.

TARIKH

29/5/2026

MEDIA

SINAR HARIAN

RUANGAN

NASIONAL

MUKA SURAT

9

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2026	BERITA HARIAN	BISNES	27

Agrobank permudah rancang kewangan tunai ibadah korban

Akaun Simpanan Agro Korban-i bantu pelanggan Islam buat persediaan awal

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Agrobank memperkenalkan Akaun Simpanan Agro Korban-i bagi membantu masyarakat Islam membuat perancangan kewangan lebih awal untuk melaksanakan ibadah korban secara lebih teratur dan patuh syariah.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, berkata produk simpanan itu turut disasarkan untuk memupuk budaya menabung dalam kalangan pelanggan, selain memudahkan persediaan



Tengku Ahmad Badli Shah (tengah) pada majlis pelancaran Akaun Simpanan Agro Korban-i di Tanjung Karang, semalam.

(Foto BERNAMA)

kewangan bagi tujuan ibadah korban dalam jangka panjang.

Katanya, menerusi pelaksanaan produk berkenaan, Agrobank menyasarkan sebanyak 5,000 bahagian korban dapat dilaksanakan tahun depan melalui

penyertaan pelanggan di seluruh cawangannya.

"Kami akan mengagihkan daging korban kepada golongan asnaf dan mereka yang memerlukan serta tidak berkemampuan. Produk ini membantu umat Islam

melaksanakan ibadah korban yang bukan sahaja memerlukan keikhlasan dan kemampuan, tetapi juga perancangan kewangan yang baik," katanya ketika majlis pelancaran Akaun Simpanan Agro Korban-i yang diadakan di

Tanjung Karang, semalam.

Pupuk budaya menabung

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, produk simpanan berkenaan diwujudkan sejajar dengan usaha Agrobank menyediakan penyelesaian kewangan yang dekat dengan keperluan masyarakat, khususnya komuniti Islam.

"Pada masa sama, ia dapat mendidik pelanggan supaya mengamalkan budaya menabung tanpa mengira latar belakang masyarakat.

"Agrobank akan menyediakan produk yang memberi ruang kepada komuniti membuat persediaan awal secara lebih mudah dan patuh syariah, khususnya bagi melaksanakan ibadah korban," katanya.

Beliau berkata, inisiatif itu diharap dapat membantu pelanggan merancang kewangan dengan lebih baik, selain memperkukuhkan nilai keprihatinan sosial dan memberi manfaat kepada diri sendiri, keluarga serta masyarakat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2026	HARIAN METRO	BISNES	25



TENGGU Ahmad Badli Shah (kiri) pada pelancaran akaun simpanan AGROKorban-i di Agrobank Tanjung Karang.

AGROBANK LANCAR AGROKORBAN-I

Bantu tabungannya ibadah korban

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Tanjung Karang

Agrobank memperkenalkan Akaun Simpanan AGROKorban-i bagi membantu komuniti Islam melakukan persediaan kewangan secara lebih terancang untuk melaksanakan ibadah korban.

Inisiatif itu adalah produk deposit patuh syariah dengan pembukaan akaun serendah RM20.

Presiden dan Ketua Pe-



Agrobank bantu pelanggan membina tabungannya secara konsisten agar hasrat untuk menunaikan ibadah korban dapat direalisasikan"

Tengku Ahmad Badli Shah

gawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, akaun simpanan AGROKOR-

BAN-i memberi peluang kepada pelanggan untuk menabung secara berperingkat sehingga mencapai sasaran simpanan.

"Ibadah korban bukan saja menuntut keikhlasan dan kemampuan malah memerlukan perancangan kewangan yang baik.

"Menerusi akaun ini juga Agrobank ingin membantu pelanggan membina tabungannya secara konsisten supaya hasrat untuk menunaikan ibadah korban dapat direalisasikan dengan lebih mudah," katanya pada majlis pelancaran di sini semalam.

Menurutnya, akaun simpanan AGROKORBAN-i juga adalah sebahagian daripada usaha pihaknya menyediakan penyelesaian kewangan.

"Ia bukan saja praktikal, tetapi juga memupuk budaya menyimpan sebagai satu persediaan yang lebih bermatlamat dan memberi manfaat kepada diri, keluarga serta komuniti.

"Sebagai permulaan, kami menasaskan 5,000 bahagian korban dapat dilaksanakan pada tahun depan menerusi inisiatif ini di seluruh cawangan," katanya.

Penternak babi dibantu beralih ke aktiviti pertanian lain

KUALA LANGAT: Kerajaan negeri akan membantu seramai 87 pengusaha ternakan babi dekat Tanjong Sepat di sini, bagi mengusahakan aktiviti pertanian lain selepas perusahaan ternakan haiwan itu diarah dihentikan.

Exco Pertanian dan Infrastruktur Selangor, Datuk Izham Hashim berkata, beliau bersama Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari serta Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengadakan pertemuan bagi membincangkan perkara itu.

Katanya, peralihan tersebut penting bagi memastikan aktiviti

hektar.

"Ketika ini ada kira-kira 11,000 ekor babi yang masih ada di ladang-ladang. Ternakan itu masih berada di situ kerana masih belum cukup matang untuk dilupuskan (disembelih). Jadi, proses itu berlaku secara berperingkat sejak diarahkan tutup pada Februari lalu.

"Ketika itu haiwan tersebut masih kecil jadi tidak sesuai untuk dikeluarkan. Sejak Februari lalu juga, tiada benih (anak babi) yang baharu di bawa masuk. Kesemuanya akan disembelih dekat pusat penyembelihan di Rawang," katanya ditemui di sini semalam.



IZHAM HASHIM

ti pertanian bernilai tinggi dapat dilaksanakan di atas kawasan seluas kira-kira 12.1 hingga 20.2

Tambahnya, jika dikesan ternakan bermasalah seperti jangkitan Selsema Babi Afrika (ASF), kesemua babi di dalam ladang tersebut akan dilupuskan terus.

Beliau sebelum itu hadir melihat aktiviti ibadiah korban oleh Kelab Wartawan dan Jurugambar Selangor (Wajar) di Surau Haji Hassan, Batu 8, Sijangking, dihadiri lebih 30 wartawan, jurugambar dan juruvideo dari pelbagai agensi media di negeri ini bersama kariah surau tersebut.

Pada 18 Mei lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan ladang babi di Tanjong Sepat dijangka ditutup sepenuhnya pada Julai

ini selepas tempoh enam bulan proses penutupan diberikan oleh kerajaan negeri kepada penternak-penternak sehingga Jun.

Bermula 1 Julai, mereka sepatutnya sudah pun menyelesaikan urusan termasuk menjual ternakan mereka dan tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap penternak-penternak yang ingkar selepas tarikh tersebut.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan potensi penggunaan pertanian di Kuala Langat yang bernilai tinggi seperti Melon Selangor (MelonSel), Nanas MD2 dan sebagainya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	8

Pengosongan babi di Tanjong Sepat berbaki 11,000 ekor

KUALA LANGAT - Kerajaan negeri Selangor mengenal pasti hanya 11,000 ekor babi masih ditempatkan di ladang sekitar Tanjong Sepat sebelum operasi ditutup sepenuhnya dalam masa terdekat.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Ir Izham Hashim berkata, jumlah itu melibatkan kira-kira 30 ladang yang masih beroperasi di kawasan berkenaan.

Menurutnya, baki ternakan itu belum cukup matang untuk dilupuskan atau disembelih selepas semua pengusaha diarahkan menghentikan operasi sejak Februari lalu.

"Tiada anak babi dibawa masuk dan semuanya akan disembelih di pusat penyembelihan di Rawang.

"Proses ini dijalankan secara berperingkat dan kita jangka akan segera selesai," katanya pada Program Ibadah Korban Pertubuhan Wartawan Jurugambar Selangor

(Wajar) di Surau Haji Hassan, Sijangkang di sini pada Khamis.

Dalam perkembangan sama, Izham berkata, kerajaan negeri akan membantu 87 pengusaha ladang babi beralih kepada aktiviti pertanian lain selepas perusahaan ternakan berkenaan dihentikan.

Katanya, perbincangan bersama Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah diadakan bagi mencari kaedah terbaik membantu pengusaha terlibat.

"Peralihan itu penting bagi memastikan aktiviti pertanian bernilai tinggi dapat dilaksanakan di atas kawasan seluas 350 ekar ini," katanya.

Beliau berkata, satu mesyuarat turut dijadualkan pada 9 Jun depan bagi mengenal pasti langkah terbaik oleh kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri termasuk usaha pemulihan tanah di kawasan terlibat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Pesawah tidak lagi fikir soal keuntungan, tapi bagaimana bertahan hidup

Apa nasib industri padi 10 tahun akan datang?

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR: Pesawah dibimbangi berputus asa dan tidak lagi berminat untuk mengusahakan tanaman padi selepas mereka berterusan dihimpit pelbagai tekanan termasuk kenaikan berterusan kos tanaman.

Ia sekali gus menimbulkan persoalan mengenai masa depan industri padi negara dalam tempoh 10 tahun akan datang jika pesawah terus dibiarkan bergelut sendirian dengan tekanan dihadapi.

Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban berkata, pesawah ketika ini semakin dihimpit dengan pelbagai tekanan seperti kos baja, racun, benih, sewa jentera dan input pertanian yang terus melonjak.

Katanya, selain itu, pesawah juga sering berdepan masalah air atau saluran yang tidak pernah selesai serta faktor harga padi tidak sesuai dengan situasi semasa.

Ujarnya, dalam masa sama, generasi muda pula semakin menjauh daripada melakukan kerja-kerja sawah, yang dilihat tidak lagi berbaloi.

"Masalah-masalah ini sekali gus menimbulkan persoalan siapa akan menanam padi untuk keperluan negara dalam tempoh sedekad akan datang jika pesawah terus bergelut sendirian. Malaysia bukan sekadar berdepan



MOHD. SHAZWAN SUBAN

isu pertanian, tetapi sedang menuju krisis keselamatan makanan yang serius.

"Bila pesawah mula menyerah kalah, negara akan semakin bergantung kepada import beras luar. Jika berlaku perang, krisis global atau negara pengeksport menghentikan bekalan, rakyat akan menerima kesan secara langsung.

"Lebih membimbangkan, majoriti pesawah hari ini sudah berusia manakala anak muda melihat sawah bukan lagi sumber masa depan kerana pulangan terlalu kecil berbanding pengorbanan tenaga dan modal yang tinggi," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Mohd. Shazwan berkata, jika keadaan tersebut dibiarkan berterusan, jangan terkejut suatu hari nanti kawasan sawah hanya tinggal sejarah dan berubah kepada tapak pembangunan.



PESAWAH dibimbangi tidak lagi berminat atau berputusa asa untuk mengusahakan tanaman padi selepas dihimpit pelbagai tekanan serta terpaksa berdepan kenaikan berterusan kos tanaman. - UTUSAN/ MOHD. SHAZWAN SUBAN

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan tidak boleh terus bermain dengan angka dan pengumuman di atas kertas semata-mata.

Sebaliknya kata beliau, pesawah memerlukan tindakan sebenar seperti harga lantai padi adil, subsidi bersasar yang telus dan jaminan sistem pengairan cekap.

"Selain itu, kawalan yang tegas terhadap kartel serta ketirisan industri padi selain serius menarik generasi muda ke sektor pertani-

an Ia bukan lagi berkaitan politik sebaliknya soal periuk nasi rakyat dan survival makanan negara.

"Jika hari ini pesawah tumbang, 10 tahun akan datang, Malaysia mungkin terpaksa 'mengemis beras' kepada negara lain," katanya.

Sementara itu, beliau turut mempersoal di sebalik peruntukan perbilion disalurkan namun pesawah masih terus dihimpit kesengsaraan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2026	BERITA HARIAN	BISNES	25

Tekanan kos pengeluaran makanan semakin terbina

Pengguna dijangka terima kesan kenaikan dalam tempoh beberapa bulan akan datang

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Harga makanan di Malaysia masih belum menunjukkan kenaikan ketara susulan konflik di Asia Barat, namun tekanan terhadap kos pengeluaran makanan dilihat semakin terbina dan berpotensi memberi kesan kepada pengguna dalam tempoh beberapa bulan akan datang.

Menurut Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) menerusi kertas perbincangan bertajuk 'Geoekonomi Kebergantungan Makanan di Malaysia dan Asia Tenggara', situasi masih terkawal setakat ini memandangkan perdagangan makanan intra-serantau dan pengalihan laluan perdagangan dari Teluk menyediakan penampakan sementara.

Bagaimanapun, KRI mengingatkan ketiadaan kenaikan harga makanan secara serta-merta tidak bermakna risiko itu tidak ada.

Menurut institut itu, kesan peningkatan kos input pertanian dijangka muncul secara berperingkat menerusi rantai baja, makanan ternakan dan pengeluaran makanan sebelum akhirnya diterjemahkan kepada harga pengguna.

Ia menjelaskan, kenaikan kos input lazimnya akan dirasai terlebih dahulu oleh pengeluar, khususnya



Peningkatan harga pengeluar menjadi petunjuk awal risiko kenaikan harga makanan. (Foto hiasan)

pada peringkat awal pemprosesan dan bagi tanaman yang memerlukan penggunaan baja secara lebih kerap.

"Dari masa ke masa, tekanan ini boleh dipindahkan kepada harga pengguna. Oleh itu, harga pengeluar menjadi petunjuk awal yang penting bagi kebarangkalian kenaikan harga makanan dalam beberapa bulan akan datang. Justeru, walaupun harga makanan kelihatan stabil buat masa ini, tekanan asas sebenarnya sedang terbina dalam sistem pengeluaran," katanya.

Kesan harga tertanggung

KRI berkata, kebimbangan utama ketika ini bukanlah kekurangan bekalan makanan secara mendasar, sebaliknya kesan harga yang tertanggung apabila peningkatan kos input bergerak daripada pasaran baja dan makanan ternakan kepada sektor pengeluaran, pemprosesan dan akhirnya pengguna.

Ia berkata, seiring kenaikan

harga komoditi global, terdapat petunjuk bahawa harga pengeluaran tempatan di Malaysia mula meningkat berdasarkan Indeks Harga Pengeluar (IHP) antara Februari dan Mac 2026.

Katanya, kenaikan paling ketara direkodkan sektor perlombongan dan kuari yang melonjak 32.9 peratus, melepasi paras yang dicatatkan pada 2022.

Pada masa sama, jelasnya, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan serta pembuatan yang penting dalam rantai bekalan agromakanan turut merekodkan peningkatan harga masing-masing sebanyak 2.8 peratus dan 1.7 peratus.

Mengulas pecahan sektor pertanian di Malaysia, KRI berkata, peningkatan harga pengeluar paling jelas dilihat dalam subsektor perikanan dan tanaman berjangka hayat panjang.

Menurutnya, kenaikan 3.6 peratus dalam sektor perikanan diper-

caya berpunca daripada peningkatan harga diesel, walaupun trend itu sebenarnya telah bermula sebelum konflik semasa tercetus.

Sementara itu, kenaikan 4.4 peratus bagi tanaman berjangka hayat panjang dikaitkan dengan peningkatan harga biofuel global serta kenaikan harga baja memandangkan tanaman jenis itu memerlukan penggunaan baja secara konsisten, katanya.

Dari sudut pengguna pula, KRI berkata, pergerakan Indeks Harga Pengguna (IHP) Malaysia antara Februari dan Mac 2026 masih kekal stabil dengan perubahan keseluruhan hanya 0.3 peratus.

Namun, jelasnya, komponen pengangkutan mencatatkan lonjakan ketara sebanyak 2.0 peratus, manakala kategori makanan dan minuman turun sedikit 0.1 peratus.

Menurut KRI, peningkatan awal dalam IHP pengangkutan itu menyamai corak kenaikan yang berlaku ketika permulaan konflik Russia-Ukraine pada 2022.

Sebaliknya, ia menjelaskan bahawa kenaikan harga makanan ketika krisis 2022 berlaku secara lebih perlahan dan beransur-ansur, sekali gus memberi gambaran bahawa situasi sama mungkin sedang terbentuk ketika ini.

KRI berkata, pecahan lebih terperinci IHP makanan Malaysia juga masih tidak menunjukkan peningkatan harga ketara antara Februari dan Mac 2026.

Menurutnya, harga makanan di luar rumah terus meningkat, namun trend itu berlaku sebelum konflik semasa, sementara harga kebanyakan kumpulan makanan di rumah mencatatkan penurunan kecil antara 0.1 hingga 0.6 peratus.

Closure of Selangor pig farms in final phase

KUALA LANGAT: The closure of pig farms in Tanjung Sepat is in its final phase, with only about 11,000 pigs remaining at farms still operating, the Selangor government said.

Selangor Infrastructure and Agriculture Committee chairman Datuk Izhah Hashim said the closure involved about 30 farms following eviction orders issued earlier this year.

He said the farms were allowed to continue operating temporarily because some of the livestock were not yet mature enough for disposal when the order was issued in February.

"No new piglets are being brought in and all livestock will be slaughtered at the slaughterhouse in Rawang.

"The process is being carried out in stages and we expect it to be completed soon.

"The menteri besar (Datuk Seri Amirudin Shari), Deputy Agriculture and Food Security Minister Datuk Chan Foong Hin and I recently held a meeting.

"The transition is important to ensure high-value agricultural

activities can be carried out on the 141.6ha site," he said after attending the Pertubuhan Wartawan dan Jurugambar Selangor (Wajar) sacrificial programme at Surau Haji Hassan in Sijangkang.

Izhah said another meeting would be held on June 9 to review federal and state government assistance measures, including land restoration efforts and support for the 87 affected farm operators.

He said the assistance aimed to help operators transition into other suitable agricultural activities once livestock operations cease.

Earlier, Tanjung Sepat assemblyman Datuk Borhan Aman Shah said all pig farms in the

area would be shut down by the end of next month.

He said the state government had given operators six months to wind down operations, including selling off their livestock.

The move followed a decree by the Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, who did not consent to pig farming in the state. **Bernama**



No new piglets are being brought in and all livestock will be slaughtered at the slaughterhouse in Rawang.

DATUK IZHAM HASHIM
Selangor Infrastructure and Agriculture Committee chairman

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2026	THE SUN	NATIONAL	4

New boats bring Aidiladha cheer for fishermen

GEORGE TOWN: This year's Aidiladha celebration has brought renewed hope to the fishing community in southern Penang as they received new boats and high-powered engines to sustain their livelihood.

Amid the festive spirit of Aidiladha, which is synonymous with sacrifice and gratitude, the assistance is especially meaningful for fishermen who depend on the sea as their source of income.

The handover of the assets was part of the Penang government's Social Impact Management Plan under the Silicon Island project, which aims to equip 294 eligible fishermen with upgraded fishing assets by 2027.

Veteran fisherman from the Sungai Batu unit, Che Anuar Puteh, 64, said the gift came a day after his birthday, and as someone who has spent more than four decades at sea, he was deeply touched by the contribution.

"Although this new boat feels like a birthday present, it is actually a blessing from God, as our family depends on the sea for our livelihood, including my two sons who are also fishermen," he said at the handover ceremony officiated by Bayan Lepas assemblyman Datuk Azrul Mahathir Aziz on Wednesday.

Yeoh Mah Kee, 78, from Gertak Sanggul, shared the same sentiment.

He said the new boat and engine were a great relief after years of bearing the high cost of maintaining his old engine.

"Previously, I used a 60-horsepower engine that required constant maintenance and repairs, which were very costly," he said.

Meanwhile, Mohamad Shafiq Rostam, 28, described receiving the new assets as a fresh



Fishermen showing their ownership certificates after receiving new boats and engines.

— PIC COURTESY OF SILICON ISLAND DEVELOPMENT

start in his life as he continues the legacy of his late father, who passed away from a heart attack five years ago.

"This boat represents more than assistance, it is a responsibility for me to carry on my family's legacy as fishermen," said the Sungai Batu resident.

In addition to receiving new boats and engines, there was also an engagement session with the local fishing community through a community programme organised by the Fishermen Service Centre on Monday, during which 70 families received fresh chicken in

conjunction with Aidiladha.

Meanwhile, Penang Infrastructure Corporation Sdn Bhd CEO Datuk Seri Farizan Darus said to date, 158 fishermen have received new boats with high-powered engines. A total of 795 out of 877 registered fishermen have also received *ex-gratia* payments totalling RM11.84 million.

Silicon Island, spanning 930.78ha, is a Penang-owned reclamation project that marks the first time the state government has directly undertaken such an initiative to drive long-term economic growth. — Bernama